

Hishammuddin: Kemeja-T Bersih Menyalahi Undang-Undang
mStar Online
June 29, 2011
Oleh A. LETCHUMANAN

PUTRAJAYA: Kemeja-T dengan mesej mempromosi atau menyokong Bersih adalah salah di sisi undang-undang, tegas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

"Jika kemeja-T berkaitan perhimpunan haram, maka apa sahaja yang mereka pakai adalah menyalahi undang-undang," kata kepada pemberita di sini, Rabu.

Beliau ditanya mengenai tindakan polis menangkap orang ramai yang memakai kemeja-T berkenaan.

Dalam pada itu, Hishammuddin menafikan bahawa tangkapan ke atas penyokong-penyokong perhimpunan yang dicituskan oleh pembangkang itu bermotifkan politik.

"Pihak mana? Saya juga boleh tanya mereka soalan yang sama," katanya.

Tegasnya lagi, tindakan juga akan diambil ke atas ahli Pemuda Umno yang mengepung Ibu Pejabat Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada Isnin lalu selepas mengugut mahu membakar pejabat berkenaan.

"Saya arahkan polis tindakan sama seperti Bersih. Tiada siapa mengatasi undang-undang," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/29/mstar_berita/20110629161154&sec=mstar_berita